

JANGAN SUASANA

KUALA LUMPUR 16 April — Perdana Menteri meminta masyarakat pekerja di negara ini supaya jangan menimbulkan suasana buruk dengan melakukan sesuatu yang tidak baik yang boleh menjejaskan usaha mengatasi masalah pengangguran.

Beliau menegaskan, sebarang tindakan yang tidak baik akan hanya mengakibatkan kurangnya pelaburan dari dalam dan luar negeri yang akhirnya memberi kesan pula

kepada kewujudan peluang - peluang pekerjaan.

"Kita tidak boleh mengamalkan cara - cara yang dilakukan di negara - negara maju. Negara - negara maju mungkin boleh melakukannya, tetapi jika kita membuat angkara yang sama, pelabur tidak datang dan peluang pekerjaan pun berkurang," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Pusat Belia Antarabangsa berharga \$17 juta di Bandar Tun Razak di sini hari ini.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Kampo Harada, pelukis kaligrafi yang telah menyumbangkan satu bilion yen untuk membina kompleks tersebut. Beberapa orang menteri dan timbalan menteri juga hadir.

Tanpa menyebut apa yang dimaksudkan sebagai tindak - tanduk buruk itu, Perdana Menteri mengingatkan, sekiranya tindakan tersebut diteruskan juga ia akan menjadi beban yang berat kepada negara dan cita - cita Malaysia menjadi negara baru perindustrian (NIC) yang kelima tidak akan tercapai.

"Saya merayu kepada yang mempunyai pekerjaan janganlah melakukan sesuatu yang tidak baik yang memberi kesan buruk, sebaliknya berilah khidmat demi kepentingan perusahaan negara," ujarinya.

Beliau mengingatkan para belia bahawa mereka bertanggungjawab terhadap usaha mengekalkan peluang pekerjaan pada masa hadapan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menggesa para belia di negara ini dan juga di negara - negara sedang membangun

yang lain agar mempertingkatkan usaha menggerakkan kegiatan - kegiatan ke arah pembangunan rakyat dan negara, selaras dengan matlamat negara - negara berkenaan.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa para belia harus sentiasa mengawasi unsur - unsur negatif dalam masyarakat mereka yang sentiasa mengambil setiap peluang untuk mempengaruhi anak - anak muda untuk memenuhi kepentingan diri sendiri.

Perdana Menteri menekankan bahawa belia seharusnya dapat mengenali pihak yang mempergunakan mereka dan mereka hendaklah mempunyai nilai - nilai murni dalam hidup masing - masing agar mereka menjadi harta yang berguna kepada negara.

Menurut Perdana Menteri, dalam perjuangan untuk mewujudkan sebuah

LIHAT MUKA 7

**TIMBULKAN
BURUK**

Jangan timbul suasana buruk

MM 7 APR 1980
masyarakat yang kuat, para belia tidak seharusnya bertindak dengan cara - cara yang boleh merosakkan masyarakat yang diperjuangkan itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyentuh tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh negara - negara tertentu, yang meliputi kebuluran, buta huruf dan pengangguran yang teruk.

"Keadaan bertambah buruk lagi kerana negara - negara yang kuat kerap pula campur tangan dalam urusan politik dan ekonomi negara - negara kecil dan lemah.

"Mereka campur tangan tanpa mengambilkira kepentingan negara - negara kecil dan lemah dan juga tidak menghiraukan pentingnya keamanan dan ke-

harmonian hidup negara - negara berkenaan," ujarnya.

Justeru itu, tegas beliau, negara - negara yang menyedari hakikat tersebut harus berusaha menyebarkan pemikiran saling faham - memahami dan kerjasama antara berbagai bangsa dan negara di dunia ini.

Sehubungan dengan itu, beliau menegaskan pendirian Malaysia yang akan mengamalkan sikap persahabatan berlandaskan prinsip - prinsip saling hormat - menghormati dan saling tidak campur tangan dalam hal negara masing - masing.

Mengenai pusat belia itu, Perdana Menteri berharap ia akan memajukan kegiatan belia dengan program - program yang dijalankan dari masa ke semasa.